


Newspaper	Berita Harian
Date	16/1/2013



Najib bergambar bersama Rosmah, Jones dan Surin (kanan) selepas menerima **Ijazah Kehormat Doktor Persuratan** daripada Universiti Ohio pada Ucaptama Siri Syarahan Perdana Tun Abdul Razak Ke-9, di Shah Alam, semalam. (FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH)

Malaysia mampu jadi pendamai Barat, Islam

BH-16/1/2013

» Corak pentadbiran dinamik negara dipuji: Surin

Oleh Meor Hisham Zulkifli
sham@bharian.com.my

Shah Alam

Malaysia berada di landasan terbaik untuk merungkai pertembungan antara Barat dan Islam berikutan corak pentadbiran dinamik diamalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Bekas Setiausaha Agung Sekretariat ASEAN, Dr Surin

Pitsuwan, berkata dasar diplomasi tegas dan berani yang diamalkan Malaysia sejak sekian lama terbukti mampu memimpin ASEAN menjadi pertubuhan serantau yang teguh dan terulung di dunia, selepas Kesatuan Eropah.

"Pendekatan dasar diplomasi sebegini berjaya merungkai banyak permasalahan serantau dan memacu Malaysia sebagai negara utama menyuarakan kepentingan dunia ketiga, negara berkecuali dan

lebih utama suara Asia Timur.

Najib calon paling layak

"Saya melihat andai Amerika Syarikat dan Barat mahu berdamai dengan Islam, ia perlu dilakukan menerusi rantau Asia Timur dengan Kuala Lumpur menjadi pusat gerakan itu. Saya percaya kepimpinan Najib mampu melaksanakannya kerana proses ini dilakukan bapanya, Tun Abdul Razak Hussein," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

tika menyampaikan Ucaptama Siri Syarahan Perdana Tun Abdul Razak Ke-9 di sini, semalam. Siri syarahan dua tahun sekali itu kali ini dianjurkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Ohio.

Ia adalah acara penting bukti kerjasama 32 tahun universiti di Amerika itu dengan Kerajaan Malaysia untuk memupuk perkongsian dan pemahaman budaya perspektif Malaysia dan Amerika.

Terdahulu pada majlis berkenaan, Najib menerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan daripada Universiti Ohio, Amerika Syarikat sebagai menghargai pencapaian dan sumbangan beliau dalam bidang pendidikan, pendemokrasian dan perpaduan.

Turut hadir isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Lembaga Pemegang Amanah Universiti Ohio, David Brighbill; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Naib Canselor UiTM, Datuk Seri Dr Sahol Hamid Abu Bakar dan Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia, Datuk Paul Jones.

Dunia beralih ke Asia Timur

Surin yang pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri Thailand berkata, dunia kini beralih ke Asia Timur yang kini muncul sebagai kuasa politik dan pasaran utama global.

"ASEAN kini menjadi pertubuhan serantau penting apabila kuasa dunia mula memberi perhatian terhadap kawasan Asia Timur yang dilihat mampu memulihkan kelembapan ekonomi Amerika dan Eropah.

Sementara itu, Najib dalam ucapannya berkata, Universiti Ohio adalah sahabat sejak lima dekad lalu kerana pakarnya banyak membantu membentuk Malaysia menjadi negara yang makmur, selamat dan bermaruah.